



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 68
No. 20

13hb Mei 2024

*TAMBAHAN No. 45
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 126.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 84(1), seksyen 85 dan perenggan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembetungan) (Pindaan) 2024.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2024.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembetungan) 2022 [P.U. (A) 297/2022], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan menggantikan takrif “nilai tahunan” dengan takrif yang berikut:

‘“nilai tahunan” berkenaan dengan sesuatu premis, ertiinya—

(a) asas bagi penaksiran kadar yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]; atau

(b) nilai yang diperoleh daripada nilai tambah yang digunakan sebagai asas bagi penaksiran kadar oleh pihak berkuasa tempatan, sebagaimana yang ditentukan oleh pemegang lesen perkhidmatan dengan menggunakan apa-apa kaedah yang dibenarkan oleh Suruhanjaya;’; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “nilai tahunan” takrif yang berikut:

‘“nilai tambah” ertiinya asas bagi penaksiran kadar oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976;’.

Pindaan Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama dengan menggantikan butiran (3) dan (4) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Perkhidmatan bersambung		(4) Perkhidmatan nyahenap cemar			
		Caj (RM/bagi setiap bulan)	Caj (RM)	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022	8.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	6.00 bagi setiap bulan
“3.	Premis domestik selain yang dinyatakan dalam dalam butiran (1), (2) dan (4)	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022	8.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	10.00	Berkuat kuasa dari 1 Januari 2023	6.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2023	10.00				

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Perkhidmatan bersambung		(4) Perkhidmatan nyahenap cemar	
		Caj (RM/bagi setiap bulan)	Caj (RM)	Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	12.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2026	15.00		
4.	Premis domestik dengan tangki septik yang tidak diluluskan	-		Bagi tangki bersaiz $<2.5\text{m}^3$ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	260.00 bagi setiap perkhidmatan
				Bagi tangki bersaiz $> 2.5\text{m}^3$ sehingga 4.5m^3 berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	390.00 bagi setiap perkhidmatan
				Bagi tangki bersaiz $> 4.5 \text{ m}^3$ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	390.00 + (130.00 bagi tiap-tiap penambahan m^3 saiz tangki) bagi setiap perkhidmatan".

Pindaan Jadual Kedua

4. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan nota dengan nota yang berikut:

“Nota: Bagi premis tanpa nilai tahunan, pemegang lesen perkhidmatan boleh menentukan nilai tahunan itu dengan menggunakan apa-apa kaedah yang dibenarkan oleh Suruhanjaya.”.

Penggantian Jadual Keempat

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Keempat dengan menggantikan Jadual Keempat dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT
[Perenggan 3(d)]

CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BAGI PREMIS PERINDUSTRIAN

(1) Kategori	(2) Perkhidmatan bersambung	(3) Perkhidmatan nyahenap cemar
	Caj (bagi setiap pekerja) (RM/bagi setiap bulan)	Caj (bagi setiap pekerja) (RM/bagi setiap bulan)
Premis Perindustrian	2.50	2.00

Nota: Caj perkhidmatan pembetungan bagi premis perindustrian sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) atau (3) yang bilangan pekerjanya kurang daripada sepuluh, hendaklah didarab dengan sepuluh.”.

Pindaan Jadual Kelima

6. Jadual Kelima kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam ruang (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Caj minimum (RM)” perkataan “/bagi setiap bulan”.

Pindaan Jadual Keenam

7. Jadual Keenam kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “trip” dengan perkataan “service”.

Pindaan Jadual Ketujuh

8. Jadual Ketujuh kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “service” dengan perkataan “trip”.

Dibuat 30 April 2024
[PETRA.BAP.100-1/1/3(S); PN(PU2)660/JLD.19]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Peralihan Tenaga
dan Transformasi Air